



DR. MAHATHIR Mohamad bersama Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali membaca surah Yasin ketika menziarahi pusara Allahyarham Ghafar Baba di Makam Pahlawan, Masjid Negara, Kuala Lumpur semalam.

UM - 3/5/2006

Dr. Mahathir ziarah pusara Ghafar

KUALA LUMPUR 2 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang baru pulang dari luar negara hari ini menziarah pusara bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Ghafar Baba di Makam Pahlawan, Masjid Negara.

Dr. Mahathir tiba bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali kira-kira pukul 8.50 pagi disambut oleh Imam Besar Masjid Negara, Datuk Kamaruddin Zakaria.

Bekas Perdana Menteri itu kemudian meluangkan masa kira-kira setengah jam di pusara itu sambil membaca ayat-ayat suci al-Quran bersama para pegawainya.

Sebelum meninggalkan makam, Dr. Mahathir turut menziarah pusara Perdana Menteri kedua dan ketiga, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn serta Timbalan Perdana Menteri kedua, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman yang terletak bersebelahan

dengan pusara Ghafar.

Ghafar, 81, meninggal dunia selepas bertarung selama lebih tujuh bulan melawan penyakit asma dan jantung yang dihidapinya.

Bekas Timbalan Presiden UMNO itu menghembuskan nafas terakhir di Pusat Perubatan Gleneagles Intan (GIMC) di Jalan Ampang di sini pukul 7.35 pagi, 23 April lalu akibat komplikasi jantung, paru-paru dan buah pinggang.